

BUDAYA HEDONISME DALAM KALANGAN PELAJAR PASCASISWAZAH MELAYU

CULTURE OF HEDONISM AMONG THE MALAYS GRADUATE STUDENTS

Nur Erina Norazlan
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Wan Rafaei Abdul Rahman
Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu
Universiti Malaya.

Abstrak

Makalah ini akan melihat persepsi pelajar pascasiswazah terhadap bentuk *hedonisme* yang terdapat di Malaysia. Kajian ini menggunakan soal selidik teknik *repertory grid* dalam menilai persepsi responden terhadap budaya *hedonisme*. Responden terdiri daripada pelajar pascasiswazah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Dapatan kajian menunjukkan pelajar pascasiswazah mempersepsikan *hedonisme* sebagai menimbulkan keseronokan dan didorong oleh pengaruh rakan sebaya. Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* dipersepsikan sebagai menimbulkan keseronokan dengan melayari internet, menonton rancangan hiburan, bercuti dan membeli-belah. Manakala mengadakan majlis mewah, bercuti, mengunjungi konsert, melepak dan mengunjungi pusat hiburan adalah bentuk *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai pengaruh rakan sebaya. Menghisap dadah pula dipersepsikan oleh responden kajian sebagai bentuk *hedonisme* yang tidak menimbulkan keseronokan dan bukan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar pascasiswazah Melayu ini mempunyai banyak pilihan yang lebih sihat dan tidak membahayakan diri sebagai sumber hiburan mereka dan dapatan kajian juga mendapati mereka tidak memilih untuk terjebak dengan penyalahgunaan dadah sebagai unsur hiburan mereka. *Repertory grid* telah dapat menunjukkan gambaran budaya *hedonisme* di kalangan pascasiswazah Melayu.

Kata Kunci: *Hedonisme*, pascasiswazah Melayu, *repertory grid*, bentuk *hedonisme*.

Abstract

The paper will look at graduate students' perception of the types of hedonism behaviour prevalent in Malaysia. The study used the repertory grid technique. The respondents consist of postgraduate students at the Academy of Malay studies, University of Malaya. The results show that the graduate students perceive hedonism as giving enjoyment and facilitated by the influence of the peers. Types of hedonism perceived as giving enjoyment are surfing the internet, watching entertainment programmes, taking a vacation and shopping, while having expensive parties, taking a vacation, watching a concert, loafing and visiting entertainment outlets are facilitated and influenced by the peers. Taking drugs is perceived not giving enjoyment and not influenced by the peers. The results also show that the Malay graduate students have more choices in terms of entertainment that are not affecting the health. The students do not choose drug taking as a type of entertainment. The study shows that the repertory grid technique is able to show perception of the culture of hedonism among the Malays graduate students.

Keywords: Hedonism, Malay graduate students, repertory grid, types of hedonism.

Pengenalan

Penularan budaya *hedonisme* telah mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia, terutamanya di kalangan belia dan mendapat banyak tentangan daripada masyarakat. *Hedonisme* dilihat sebagai satu perilaku 'sub-budaya' yang negatif bertentangan dengan adat ketimuran dan saranan agama (Sidek Baba, 2006). *Hedonisme* merupakan salah satu isu sosial di Malaysia kerana pengaruh dan implikasi budaya ini membawa beberapa komplikasi sosial dalam masyarakat Melayu seperti budaya suka berhibur dan terjadinya proses de-islamisasi dalam masyarakat berkenaan (Sidek Baba, 2006; Kamal Hasan, 2013; Abdul Ghaffar Don & Zaleha Mohd Ali, 2008).

Satu masalah sosial adalah satu keadaan sosial seperti kemiskinan atau corak tingkah laku seperti penyalahgunaan dadah yang membahayakan sesetengah individu atau semua orang dalam masyarakat yang merasa bimbang akan keadaan itu dan percaya bahawa tindakan kolektif perlu diambil untuk membawa perubahan untuk menangani

masalah sosial dalam kalangan masyarakat (Kendall, 2007:4). Masalah sosial itu berlaku apabila masyarakat secara subjektifnya melihat dan mempunyai bukti empirikal yang menunjukkan bahawa keadaan sosial pada peringkat tempatan, masyarakat, atau global telah menyebabkan kewujudan sesuatu masalah peribadi di kalangan masyarakat (Crone, 2007:2).

Secara komprehensifnya *hedonisme* dimaknakan sebagai “kepercayaan bahawa tujuan utama kehidupan adalah untuk menikmati hidup dan kehidupan yang terbaik adalah kehidupan yang paling menyenangkan” (Graham, 2004:39). *Hedonisme* juga membawa konotasi yang pelbagai termasuklah sebagai satu “gaya hidup, gaya fikir, nilai, amalan, kepercayaan dan etika” (Siti Raba’ah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam, 2013). Fahaman *hedonisme* yang berkembang di Barat membezakan kesenangan kepada kesenangan tinggi dan rendah seperti yang disarankan oleh Mill (1991:43). Menurut Aristotle (384-322 BCE) seseorang hedonis itu berhak untuk memiliki kehidupan yang menyenangkan dan kehidupan yang paling menyenangkan adalah kehidupan yang paling membahagiakan (Graham, 2004:52).

Sejarah merakamkan bahawa masyarakat Melayu sejak zaman pemerintahan feodal telah memperlihatkan pengabaian nilai Islam dengan terang-terangan dan pengamalan nilai *hedonisme* yang berlebihan dalam berhibur seperti menghisap candu, pelacuran, berjudi, bersabung dan bermadat seperti yang dinyatakan oleh Abdullah Munsyi (1965), dalam penulisan beliau. Beberapa orientalis Barat juga turut menulis mengenai kesukaan masyarakat Melayu untuk berhibur dalam kehidupan mereka. Bird (1883), melihat orang Melayu sebagai golongan yang sukakan hiburan. Menurut beliau, orang Melayu gemar berkumpul beramai-ramai untuk melihat acara-acara hiburan seperti sabung ayam dan melagakan kerbau atau harimau untuk tujuan berhibur. Malah, aktiviti hiburan tersebut mendapat tempat di kalangan semua golongan masyarakat Melayu, termasuk golongan pemerintah dan rakyat biasa untuk tujuan perjudian dan keseronokan. Seterusnya, orang Melayu juga dikatakan suka berteka-teki dan gemar bermain “dam” di kedai-kedai kopi bersama rakan-rakan dari pagi sehingga ke lewat petang. Mereka juga suka berhibur kerana mempunyai banyak jenis tarian seperti Kuda Kepang, Makyong, Ulik Mayang dan sebagainya yang ditarikan dalam majlis-majlis keraian.

Selain Bird (1883), Swettenhem (1913), juga mempunyai pandangan yang sama mengenai kesukaan berhibur di kalangan masyarakat Melayu apabila beliau mengatakan bahawa orang Melayu suka berjudi dan menjadikan aktiviti laga ayam sebagai cara terbaik untuk berjudi. Namun demikian, pandangan orientalis mengenai tabiat suka berhibur orang Melayu itu disangkal oleh Mahathir Mohamad (2003:187), yang menyatakan bahawa nilai hidup untuk berseronok-seronok adalah dipandang rendah di kalangan masyarakat Melayu kerana manusia perlu hidup untuk beribadat dan bukannya untuk mengumpulkan harta dunia dan berhibur semata-mata dengan mengabaikan masa mereka.

Hiburan adalah salah satu unsur budaya yang asas dalam kebudayaan sesebuah masyarakat dunia untuk mengisi masa senggang dan sebagai satu eskapisme daripada bebanan tugas seharian (Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1988:61). Masyarakat Melayu tradisi yang kebanyakannya menjalankan aktiviti pertanian dan sara diri mempunyai masa lapang yang boleh dimanfaatkan dengan pelbagai kegiatan hiburan (Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1988:61). Mereka tidak terdesak untuk bekerja keras memerah keringat sepanjang masa seperti halnya dengan buruh-buruh pendatang asing dari India dan Cina yang dibawa masuk oleh pihak penjajah (Syed Hussein Alatas, 1989). Sejak zaman feudal, budaya berhibur telah menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat Melayu kerana golongan pemerintah dan golongan rakyat mempunyai ruang dan masa untuk berhibur. Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1988), pelbagai kegiatan hiburan telah diadakan di dalam dan di luar istana. Penghibur profesional dijemput untuk pelbagai acara keramaian seperti penari, pemain muzik, penyanyi, penyair, pelawak, tukang cerita, penulis hikayat serta pelbagai jenis permainan dan pertunjukan kesenian turut diadakan.

Selain kegiatan hiburan yang dianjurkan oleh pihak istana, golongan rakyat jelata yang mempunyai masa senggang juga turut mempunyai acara berhibur tersendiri seperti Hadrh, Canggung, Ulek Mayang, Rodat, Mak Yong, Wayang Kulit, Kuda Kepang, Barungan, Cak Lempong, Gamelan, Dikir Rebana, Zapin dan Berzanji untuk mengisi masa lapang mereka dan sebagai sebuah eskapisme daripada beban kerja seharian (Wan Abdul Kadir, 1988:61; Mohd Taib Osman, 1984:197). Hiburan merupakan aspek budaya yang penting sebagai salah satu keperluan asas dalam hidup bermasyarakat. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu sejak dari zaman silam tidak dapat meniadakan keperluan untuk berhibur dalam kelangsungan kehidupan mereka.

Secara keseluruhannya berdasarkan kajian dan penulisan lepas terdapat beberapa persepsi, sikap dan pandangan negatif yang umum mengenai pengaruh *hedonisme* dalam masyarakat dunia, termasuk orang Melayu. Dalam polemik ini, Veenhoven (2003:437) berpandangan bahawa:

“Terdapat perbincangan yang hangat mengenai merit hedonisme ini. Beberapa memuji hedonisme sebagai sesuatu yang semula jadi dan sihat, tetapi ada juga yang menyamakan hedonisme dengan sesuatu yang berlebihan dan merosakkan moral. Terdapat perasaan bercampur-baur mengenai hedonisme ini. Dari satu segi, hedonisme dikaitkan dengan cita rasa yang bagus dan seni kehidupan yang baik. Di sisi lain pula, hedonisme dikaitkan dengan ketagihan, kedangkala, tingkah laku yang tidak bertanggungjawab dan egoisme”

Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali (2008:65), pula menegaskan budaya *hedonisme* menyumbang kepada proses de-islamisasi kerana *hedonisme* ialah pegangan falsafah yang mementingkan kebebasan manusia sehingga ke tahap menjadikan “hiburan sebagai tuhan”. Sebaliknya, sesetengah pihak menganggap budaya ini sebagai “nilai kebaikan yang setaraf dengan nilai moral” yang didasari oleh keseronokan dan tidak bersandarkan kepada unsur ketuhanan yang menjadi asas penentuan sesuatu nilai (Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali, 2008:65). Kesannya, masyarakat akan menjadi keliru dan kacau-bilau kerana tiada lagi kayu ukur utama yang berfungsi sebagai panduan sesudah mereka menolak hukum Tuhan. *Hedonisme* adalah sebahagian daripada masalah bersama umat Islam Nusantara (Kamal Hasan, 2013:11). *Hedonisme* juga dilihat memberikan kesan negatif terhadap masa depan pelajar universiti (Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, 2011) dan para hedonis lebih mengutamakan aktiviti keseronokan sehingga terlibat dengan keruntuhan moral serta tingkah laku (Feldman, 2008:318; Veenhoven, 2003:437).


Hedonisme yang merupakan satu sistem nilai di Barat mencerminkan keseronokan yang berlebihan dalam kehidupan (Weijers, 2011:24; Mustafa Kamil Ayub, 1994:75). Golongan hedonis Islam sering terlibat dengan budaya kuning yang dianggap sebagai budaya biasa yang boleh dilakukan seperti menagih dadah, minum alkohol dan salah laku seksual (Mohd Ali Iksan, 2010). Budaya *hedonisme* juga mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sehingga mengagungkan budaya barat yang

gemar berhibur dan bersosialisasi dengan bebas sehingga memberi implikasi dalam kehidupan mereka seperti terlibat dengan dadah dan alkohol serta menjejaskan pengajian mereka (Noraini Ab. Jalil dan Sayed Mahussain Sayed Ahmad, 2010:25). Faktor psikososial seperti tahap religiositi, pandangan sarwa, keakraban dengan ibu bapa dan keakraban dengan rakan juga turut mempengaruhi pembentukan tingkah laku hedonistik di kalangan pelajar IPT di Malaysia (Siti Raba'ah Hamzah, 2013:1).

Perbahasan mengenai budaya ini dibincangkan dengan serius daripada perspektif Islam dan tradisi ketimuran untuk melihat keserasian atau pertelagahan nilai pengaruh budaya ini dengan masyarakat Malaysia, terutamanya orang Melayu kerana menurut Anwar Ibrahim (1997:43) “kerohanian dan keagamaan berakar umbi dalam jiwa masyarakat Asia”. Oleh itu, budaya *hedonisme* yang menegaskan bahawa kebahagiaan hidup adalah berpunca daripada melakukan perkara-perkara yang menyeronokkan tanpa batasan agama adalah tidak sesuai untuk kehidupan dan nilai-nilai yang mendukung masyarakat Melayu. Kajian ini akan memperlihatkan persepsi masyarakat Melayu, khususnya golongan pasca-siswazah terhadap budaya *hedonisme* dari segi bentuk, pengaruh dan faktor memudahkan.

KERANGKA KONSEP HEDONISME

Rajah 1 menunjukkan model konseptual saling hubungan antara faktor-faktor yang memudahkan budaya dengan bentuk-bentuk *hedonisme* yang terdapat di Malaysia. Pengaruh yang penting seperti ibu bapa, rakan sebaya, idola atau artis dan persekitaran menggalakkan kepada perilaku *hedonisme*. Hal ini dimudahkan oleh beberapa faktor yang menjadi pemboleh ubah penengah (*moderating variable*) seperti mudah dan bebas melakukan, tidak berisiko, berkemampuan menikmati, satu budaya popular, sebagai gaya hidup, mengejar status atau populariti dan menimbulkan keseronokan. Budaya *hedonisme* yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu dewasa ini adalah seperti menonton rancangan hiburan, membeli-belah, mengunjungi konsert, pergaulan bebas, melayari internet, mengunjungi pusat hiburan, menghisap dadah, mengadakan majlis mewah, bercuti dan melepak.



Rajah 1: Model konseptual saling hubungan antara faktor-faktor yang memudahkan budaya *hedonisme* dengan bentuk-bentuk *hedonisme* yang terdapat di Malaysia. (Nur Erina Norazlan dan Wan Rafaei Abdul Rahman)

Kajian ini dilakukan untuk melihat cara responden mempersepsikan bentuk hedonisme melalui faktor penengah iaitu faktor yang memudahkan budaya hedonisme. Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusof (2014:100), faktor budaya berhibur ini juga dipengaruhi oleh golongan masyarakat yang terlibat dalam dunia hiburan, seperti artis-artis popular yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap masyarakat umum kerana mereka mampu menawarkan pengisian dalam masa senggang masyarakat Melayu dengan pelbagai aktiviti hiburan seperti lakonan, nyanyian dan juga tarian. Disamping itu, mereka juga merupakan idola yang diminati dalam dunia hiburan. Selain itu, model keakraban rakan sebaya oleh Armsden dan Greenbergh (1987:427) dan teori Bowlby (1982) pula menekankan faktor keakraban dengan rakan sebaya adalah penting dalam pembentukan tingkah laku belia. Rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam mencorak gaya hidup dan gaya berfikir seseorang individu. Pengaruh rakan sebaya pula berterusan peranannya kepada segenap peringkat umur. Oleh itu teori dan model ini disesuaikan untuk mengkaji kesan pengaruh budaya *hedonisme* ke atas sampel kajian yang berbeza peringkat umur.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik berbentuk matrik untuk mengkaji budaya *hedonisme* di kalangan pelajar pascasiswazah. Responden kajian, reka bentuk dan alat kajian adalah perkara-perkara yang dinyatakan dalam bahagian ini.

Responden Kajian

Responden dipilih daripada sejumlah 26 orang pascasiswazah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Daripada jumlah ini, seramai lapan orang responden berbangsa Melayu dari Jabatan Sosio-budaya, Kesenian dan Bahasa Melayu dipilih secara sampel rambang untuk kajian ini. Responden dipilih berdasarkan jantina (empat orang lelaki dan empat orang perempuan yang berumur dalam lingkungan 25 sehingga 51 tahun).

Reka Bentuk dan Alat Kajian

Kajian ini menggunakan teknik *repertory grid* yang diperkenalkan oleh Kelly (dalam Fransella dan Bannister, 1977) untuk mengkaji persepsi masyarakat Melayu, khususnya golongan pascasiswazah terhadap pengaruh *hedonisme*. Grid dalam kajian ini terdiri daripada gagasan (*construct*) yang merangkumi faktor-faktor yang memudahkan perilaku budaya *hedonisme* dan unsur (*element*) yang terdiri daripada bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang telah dicungkil melalui cara regu tiga (*triad method*) dan melalui kaedah temu-bual.

Kesesuaian Alat

Pendekatan silang budaya dianggap sesuai diaplikasikan di Malaysia yang merupakan sebuah negara majmuk dengan tradisi budayanya yang pelbagai. Oleh yang demikian, satu alat yang dapat mengatasi masalah perbezaan makna konsep dan fenomena dalam sesuatu kajian itu perlu digunakan, iaitu alat/teknik *repertory grid* yang dibentuk oleh Kelly (1955) berdasarkan teorinya, iaitu Teori Gagasan Diri. Jones dan Zoppel (1974) dan McCoy (1981) berpendapat bahawa alat ini sesuai digunakan dalam kajian silang budaya. Wan Rafaei Abdul Rahman dan Smith (1978) telah memperkenalkan *repertory grid* sebagai satu alat persepsi sejak tahun 1978 yang membandingkan persepsi amalan didikan kanak-kanak murid Melayu dengan murid di United Kingdom. Antara contoh kegunaan alat ini di Malaysia adalah seperti pilihan kerjaya, penyelidikan dalam pentadbiran dan pengurusan, peranan motivasi, persepsi adat pepatih oleh belia di Negeri Sembilan, tingkah laku bilazim, polarisasi, persepsi masyarakat terhadap rawatan perubatan tradisional dan moden, *repertory grid* sebagai alat kaunseling, penilaian kursus serta kajian kesesuaian alat (Wan Rafaei Abdul Rahman, 2015:25)

Grid yang dibina adalah seperti dalam Jadual 1. Responden dikehendaki memberi pemeringkatan di atas skala 1-5; 1 (amat tidak bersetuju), 2 (tidak bersetuju), 3 (sederhana), 4 (bersetuju) dan 5 (amat bersetuju). Analisis grid menggunakan program INGRID (Slater, 1972) akan mewujudkan satu peta kognitif (menunjukkan berapa dimensi seseorang/tiap-tiap kumpulan mempersepsikan persekitarannya dan di mana letaknya orang yang penting dalam persekitaran itu).

Jadual 1: Grid Pengaruh *Hedonisme* di kalangan Masyarakat Melayu

UNSUR / GAGASAN	Tonton rancangan hiburan	Membeli-belah	Kunjungi konsert	Pergaulan bebas	Melayari internet	Bercuti	Hisap dadah	Adakan majlis mewah	Melepak	Kunjungi pusat hiburan
Menimbulkan keseronokan										
Mudah dilakukan										
Pengaruh rakan sebaya										
Satu budaya popular										
Sebagai gaya hidup										
Bebas melakukan										
Tidak berisiko										
Berkemampuan menikmati										
Mengejar status/populariti										

Dapatan Kajian

Analisis Komponen Asas

Dua komponen yang signifikan dikemukakan dalam kajian ini, iaitu komponen 1 dan komponen 2 yang menunjukkan peratusan variasi yang tinggi di kalangan responden kajian. Analisis melalui program INGRID menunjukkan semua siswazah, siswazah lelaki dan siswazah perempuan mempersepsikan pengaruh budaya *hedonisme* dalam dua dimensi yang terpenting seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Dimensi dan Peratus Varian

Komponen	Perempuan % Varian	Lelaki % Varian	Lelaki dan Perempuan % Varian
Komponen 1	73.92	73.05	77.15
Komponen 2	14.76	11.42	8.95
Komponen 1 & 2	88.68	84.47	86.10

Berdasarkan nilai peratusan varian dalam Jadual 2 di atas, peratusan varian yang tertinggi adalah 88.68% (siswazah perempuan) diikuti dengan 86.10% (siswazah lelaki dan perempuan) dan 84.47% (siswazah lelaki). Peratusan varian siswazah perempuan adalah yang tertinggi sekali dan mempengaruhi jumlah varian dalam keseluruhan jumlah varian kesemua siswazah. Peratusan varian juga menunjukkan ketepatan nilai persepsi terhadap pengaruh budaya *hedonisme* ini di kalangan responden, iaitu 88.68% adalah benar bagi siswazah perempuan, diikuti dengan 84.47% persepsi benar oleh siswazah lelaki. Jumlah keseluruhan ialah 86.10% bagi persepsi siswazah lelaki dan perempuan.

Jadual 2 juga menunjukkan nilai peratusan untuk komponen 1 dan 2 yang mewakili persepsi responden kajian. Komponen 1 untuk kesemua analisis menunjukkan nilai peratusan yang tinggi dan benar untuk menggambarkan persepsi responden kajian iaitu 73.92% bagi siswazah perempuan, 73.05% bagi siswazah lelaki dan 77.15% bagi siswazah perempuan dan lelaki. Berdasarkan analisis, dua dimensi yang penting ini akan digunakan untuk membentuk peta-peta kognitif. Analisis komponen asas (Slater, 1972) menghasilkan *loading* yang tertinggi bagi komponen pertama dan kedua yang akan dinamakan berdasarkan nilai *loading* bagi empat gagasan yang mempunyai nilai tertinggi bagi komponen 1 dan 2. Jadual 3, 4, dan 5 yang berikut menunjukkan gagasan *loading* pada komponen 1 dan 2 untuk responden kajian.

Jadual 3: Gagasan Tertinggi *Loading* pada Komponen 1 dan 2 bagi Siswazah Lelaki dan Perempuan

Gagasan/komponen 1	Gagasan/komponen 2
1. Menimbulkan keseronokan	2. Pengaruh rakan sebaya
2. Berkemampuan menikmati	3. Mengejar status dan populariti
3. Tidak berisiko	4. Satu budaya popular
Nama komponen 1	Nama komponen 2
Menimbulkan keseronokan	Pengaruh rakan sebaya

Jadual 3 merumuskan nilai *loading* untuk komponen 1 dan 2 bagi kesemua responden. Daripada nilai *loading* ini, nama komponen 1 dan 2 telah dipilih berdasarkan nilai *loading* yang tertinggi, iaitu menimbulkan keseronokan untuk komponen 1 dan pengaruh rakan sebaya untuk komponen 2. Kesemua siswazah mempersepsikan faktor pengaruh budaya *hedonisme* sebagai menimbulkan keseronokan dan pengaruh rakan sebaya. Nilai gagasan tertinggi *loading* untuk siswazah perempuan pula ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Gagasan Tertinggi *Loading* pada Komponen 1 dan 2 bagi Siswazah Perempuan

Gagasan/komponen 1	Gagasan/komponen 2
1. Sebagai gaya hidup	2. Mengejar status dan populariti
2. Menimbulkan keseronokan	3. Satu budaya popular
3. Mudah dilakukan	4. Pengaruh rakan sebaya
Nama komponen 1	Nama komponen 2
Sebagai gaya hidup	Mengejar status dan populariti


Jadual 4 menunjukkan nilai *loading* untuk komponen 1 dan 2 bagi siswazah perempuan. Komponen 1 dinamakan sebagai gaya hidup, manakala komponen 2 pula adalah mengejar status dan populariti. Siswazah perempuan mempersepsikan faktor pengaruh budaya *hedonisme* sebagai gaya hidup dan untuk mengejar status dan populariti.

Nilai gagasan tertinggi *loading* untuk siswazah lelaki ditunjukkan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Gagasan Tertinggi *Loading* pada Komponen 1 dan 2 bagi Siswazah Lelaki

Gagasan/komponen 1	Gagasan/komponen 2
1. Tidak berisiko	2. Mengejar status dan populariti
2. Pengaruh rakan sebaya	3. Sebagai gaya hidup
3. Mudah dilakukan	4. Berkemampuan menikmati
Nama komponen 1	Nama komponen 2
Tidak berisiko	Mengejar status dan populariti


Jadual 5 di atas menunjukkan nilai *loading* untuk komponen 1 dan 2 bagi siswazah lelaki. Komponen 1 dinamakan tidak berisiko, manakala komponen 2 pula adalah mengejar status dan populariti. Siswazah lelaki telah mempersepsikan faktor pengaruh budaya *hedonisme* sebagai pengaruh yang tidak berisiko, pengaruh untuk mengejar status dan populariti. Setelah menamakan komponen yang penting dalam persepsi responden kajian, peta kognitif daripada analisis INGRID bagi semua siswazah, iaitu siswazah perempuan dan siswazah lelaki ditunjukkan dalam Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4 seperti berikut :



Komponen 2 (8.95%) Pengaruh rakan sebaya


Rajah 2: Persepsi pengaruh budaya *hedonisme* siswazah lelaki dan perempuan

Rajah 2 menunjukkan kesemua siswazah mempersepsikan pengaruh budaya *hedonisme* sebagai menimbulkan keseronokan disebabkan pengaruh rakan sebaya. Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai menimbulkan keseronokan adalah melayari internet, menonton rancangan hiburan, bercuti dan membeli-belah. Manakala mengadakan majlis mewah, bercuti, mengunjungi konsert, melepak dan mengunjungi pusat hiburan pula adalah bentuk *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai pengaruh rakan sebaya. Menghisap dadah pula dipersepsikan oleh responden sebagai bentuk *hedonisme* yang tidak menimbulkan keseronokan dan bukan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Rajah 3 yang berikut menunjukkan peta kognitif untuk siswazah perempuan.



Rajah 3: Persepsi pengaruh budaya *hedonisme* siswazah perempuan

Rajah 3 menunjukkan peta kognitif untuk siswazah perempuan. Dalam hal ini, siswazah perempuan didapati mempersepsikan pengaruh budaya *hedonisme* sebagai satu gaya hidup dan juga untuk mengejar status serta populariti. Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai gaya hidup adalah bercuti, melayari internet, membeli-belah dan juga menonton rancangan hiburan. Sebaliknya, bagi aktiviti seperti mengadakan majlis mewah adalah bentuk *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai mengejar status dan populariti. Manakala perbuatan menghisap dadah dan pergaulan bebas pula tidak menjadi sebahagian daripada gaya hidup siswazah perempuan. Perkara ini juga tidak dianggap sebagai sesuatu yang meningkatkan status dan populariti mereka. Seterusnya, Rajah 4 berikut menunjukkan peta kognitif untuk siswazah lelaki.



Rajah 4: Persepsi pengaruh budaya *hedonisme* siswazah lelaki

Rajah 4 di atas memerihalkan persepsi siswazah lelaki terhadap pengaruh budaya *hedonisme* sebagai faktor yang tidak berisiko dan untuk mengejar status serta populariti. Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai tidak berisiko adalah melayari internet, bercuti, melepak dan menonton rancangan hiburan. Aktiviti seperti membeli-belah, melepak, mengadakan majlis mewah, pergaulan bebas serta mengunjungi konsert pula adalah bentuk *hedonisme* yang dipersepsikan sebagai mengejar status dan populariti. Sebaliknya perbuatan menghisap dadah dipersepsikan sebagai berisiko dan tidak membantu untuk mengejar status serta populariti mereka.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan kesemua siswazah yang dijadikan responden kajian telah mempersepsikan faktor yang mendorong kepada pengaruh budaya *hedonisme* sebagai menimbulkan keseronokan yang disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Persepsi ini selaras dengan kenyataan dalam teori etika Mill (1991:234), yang menjadikan prinsip utilitarianisme sebagai asas moral yang menjadikan segala perbuatan adalah benar selagi perbuatan tersebut mendorong kepada kebahagiaan manusia.

Responden kajian menggemari aktiviti yang dapat menimbulkan keseronokan kepada mereka tanpa merasa bimbang mengenai kesannya. Menurut Mill (1991:210), teori etika ini menfokuskan kepada kesan tindakan seseorang individu sebagai menimbulkan keseronokan dan bukannya etika perbuatan tersebut seperti terjebak dengan aktiviti berhibur secara berlebih-lebihan yang dikedam sebagai perbuatan yang kurang menepati adat-adat ketimuran serta saranan agama.

Hasil kajian *hedonisme* ini yang mempersepsikan pengaruh rakan sebaya dan faktor yang menimbulkan keseronokan turut menyokong dapatan kajian oleh Dauzan Deriyansyah Praja dan Anita Damayantie (2013). Mereka menegaskan bahawa pengaruh rakan sebaya yang mempunyai gaya hidup yang sama telah mempengaruhi belia Indonesia terhadap budaya *hedonisme*. Mereka juga turut menyimpulkan bahawa faktor media (Internet) yang sering menawarkan keseronokan segera kepada belia Indonesia, turut menyumbang kepada penularan budaya asing ini.

Dapatan kajian mendapati pengaruh rakan sebaya dan keseronokan sebagai punca pengaruh budaya *hedonisme* dalam kalangan masyarakat Melayu selari dengan model keakraban rakan sebaya oleh Armsden dan Greenbergh (1987), serta teori Bowlby (1982), yang menekankan bahawa faktor ini adalah penting dalam pembentukan tingkah laku belia. Dalam hal ini, didapati rakan sebaya memainkan peranan yang penting bagi mencorak gaya hidup dan gaya berfikir seseorang individu. Pengaruh rakan sebaya pula berterusan peranannya pada segenap peringkat umur. Hal ini terbukti melalui kajian yang dilakukan ini dengan majoriti responden kajian dari peringkat umur 24-51 tahun masih mempersepsikan pengaruh rakan sebaya sebagai perangsang kepada pengaruh budaya *hedonisme*.

Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang digemari oleh kesemua siswazah seperti gemar melayari internet, melepak dan menonton rancangan hiburan juga selari dengan hasil kajian Mohd Ali Iksan (2010), yang mendapati pelajar sekolah menengah menggemari keseronokan berhibur seperti melepak dan melayari internet. Dapatan kajian juga mendapati sebilangan besar responden kajian gemar menonton rancangan hiburan dan melepak yang juga sejajar dengan hasil kajian Mohammad Raqi Mohammad Shapien (2007), yang turut memberi kesan kepada budaya hidup sehingga mereka kurang berminat untuk menonton rancangan yang berbentuk pengajaran moral dan etika.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan persepsi pengaruh budaya *hedonisme* di kalangan siswazah perempuan dan lelaki yang selari dengan kajian Siti Raba'ah et al. (2013) yang mendapati pelajar perempuan lebih cenderung terpengaruh dengan budaya *hedonisme* dan mempunyai tahap tingkah laku hedonistik yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Siswazah lelaki pula jelas lebih mementingkan realistik kerana pada persepsi mereka, budaya *hedonisme* ini mempunyai bentuk-bentuknya yang dianggap sebagai tidak berisiko apabila dilakukan. Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan siswazah ini menganggap faktor kedua terpenting dalam pengaruh budaya ini adalah keinginan untuk mengejar status dan populariti.

Faktor gaya hidup dan gaya pemikiran yang berbeza dipersepsikan oleh dua kelompok siswazah ini dapat digambarkan melalui penggunaan alat *repertory grid* yang mengukur tahap persepsi berlainan oleh golongan siswazah. Dalam hal ini, didapati sebanyak 88.68% varian siswazah perempuan melebihi varian siswazah lelaki yang hanya 84.47%. Seterusnya, hasil kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian Siti Raba'ah et al. (2013), yang melaporkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap tingkah laku hedonistik yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Manakala, Noraini Ab. Jalil dan Sayed Mahussain Sayed Ahmad (2010), pula menyimpulkan bahawa persepsi pelajar terhadap gejala *hedonisme* dalam pembentukan peribadi remaja dari segi pengetahuan berada pada tahap tinggi.

Dalam pada itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden kajian tidak mempersepsikan amalan menghisap dadah dan pergaulan bebas sebagai bentuk *hedonisme* yang menimbulkan keseronokan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya. Dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian seperti yang dilakukan oleh Siti Raba'ah Hamzah (2013), Mohammad Raqi Mohammad Shapien (2007), Mohd

Ali Iksan (2010), serta Dauzan Deriyansyah Praja dan Anita Damayantie (2013). Kajian-kajian ini mendapati kebanyakan belia terlibat dengan aktiviti tidak bermoral seperti menghisap dadah dan mengamalkan pergaulan bebas.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, rata-rata responden yang berumur antara 24 sehingga 51 tahun mempunyai komitmen dan kerjaya serta keluarga sendiri. Oleh itu, persekitaran sosial mereka yang berbeza daripada golongan belia dalam kajian-kajian lalu, menunjukkan kematangan dalam setiap perbuatan mereka. Maka, mereka tidak menganggap amalan penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas sebagai sesuatu yang mendatangkan keseronokan sebagai dorongan daripada pengaruh rakan sebaya. Malah, mereka dapat menilai bahawa perbuatan tersebut adalah berisiko tinggi. Hasil kajian ini juga menyokong teori ekologi oleh Bronfenbrenner (1989), yang menegaskan bahawa tindakan manusia adalah dipengaruhi oleh ekologi atau persekitarannya. Manusia bertindak atas pengalaman sosialisasi dengan ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan juga persekitaran mereka. Seseorang individu itu terpengaruh untuk melakukan sesuatu atas tindak balas dan pengalaman dengan persekitaran mereka.

Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang digemari oleh masyarakat Melayu kontemporari adalah lanjutan daripada kepelbagaian kegiatan hiburan tradisi Melayu zaman lampau. Hiburan yang merupakan salah satu elemen budaya yang penting dalam kehidupan bermasyarakat memperlihatkan wujudnya kecenderungan untuk meminati aktiviti hiburan pada masyarakat Melayu dewasa ini. Namun begitu, pilihan bentuk-bentuk hiburan itu telah berubah selaras dengan peredaran masa serta merupakan lanjutan daripada hiburan tradisi yang pernah ada dan masih ada dalam kebudayaan Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu kontemporari tidak memilih penyalahgunaan dadah sebagai sesuatu yang menghiburkan, walhal sejarah merakamkan bahawa masyarakat Melayu silam gemar menghisap candu (Abdullah Munshi, 1965:12), yang boleh mendatangkan keseronokan kepada penggunaanya. Hal ini boleh berlaku kepada masyarakat Melayu zaman dahulu kerana tidak mempunyai banyak pilihan dalam aktiviti hiburan mereka. Keadaan ini juga memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu kontemporari sudah matang untuk memilih bentuk-bentuk hiburan yang tidak membahayakan diri mereka seperti menghisap dadah. Malah, mereka mempunyai variasi pilihan hiburan yang menawarkan keseronokan yang lebih sihat dan baik dalam kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun, responden kajian telah mempersepsikan bentuk-bentuk hiburan seperti melayari internet, menonton rancangan hiburan, bercuti, dan membeli-belah sebagai aktiviti yang mendatangkan keseronokan dan menidakkan aktiviti seperti penyalahgunaan dadah serta pergaulan bebas. Kepelbagaian bentuk hiburan adalah untuk mengisi masa senggang masyarakat Melayu. Kini, masyarakat Melayu lebih gemar menonton rancangan hiburan yang boleh dimuat-turun atau dilayari dari Internet seperti *You-Tube* untuk tujuan hiburan.

Menurut Mohd Taib Osman (1984:138), masyarakat Melayu sejak zaman dahulu sudah sehati dengan jenaka-jenaka lisan dan penceritaan kisah rakyat seperti kisah Pak Pandir, Pak Belalang dan Mat Jenin yang lucu, licik serta *born-losers* yang dianggap sebagai hiburan dan satira kehidupan masyarakat. Cerita rakyat juga diceritakan dalam bentuk persembahan wayang kulit yang berfungsi sebagai hiburan dan memberi pengajaran kepada pendengarnya. Penceritaan kisah rakyat ini sering diceritakan untuk mengingatkan masyarakat tentang realiti kehidupan mereka dan dijadikan sebagai pengajaran hidup selain sebagai hiburan pada masa senggang. Selain daripada kisah rakyat, tarian dan nyanyian yang pelbagai seperti Kuda Kepang, Mak Yong, Zapin, Berzanji, Marhaban dan Hadrah yang menghiburkan turut menjadi sebahagian daripada acara kesenian dalam kebudayaan Melayu (Mohd Taib Osman, 1984:197).

Hiburan merupakan keperluan asas dalam sesuatu kebudayaan. Masyarakat Melayu kini masih gemar untuk berhibur kerana bentuk hiburan pada dewasa ini adalah lanjutan daripada kepelbagaian acara hiburan tradisi. Dapatan kajian menunjukkan peta kognitif *repertory grid* yang mempersepsikan budaya *hedonisme* di kalangan masyarakat Melayu memberi gambaran sebenar mengenai bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang dipermudahkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi mereka.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bentuk budaya *hedonisme* di Malaysia yang dipersepsikan oleh pelajar pascasiswazah dari Jabatan Sosio-budaya, Kesenian dan Bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Antara bentuk-bentuk budaya *hedonisme* yang dipersepsikan oleh responden kajian adalah melayari internet, menonton rancangan hiburan, bercuti, membeli-belah, melepak,

mengunjungi pusat hiburan dan konsert serta mengadakan majlis mewah. Bentuk-bentuk budaya *hedonisme* ini pula didorong oleh faktor terpenting seperti menimbulkan keseronokan dan pengaruh rakan sebaya. Data *repertory grid* yang diperolehi adalah daripada sampel yang kecil. Oleh itu, keputusan ini tidak boleh digeneralisasikan secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, data ini boleh digunakan untuk tujuan perbincangan atau kaunseling dengan pelajar-pelajar pascasiswazah yang berkaitan. *Repertory grid* dapat menunjukkan gambaran persepsi budaya *hedonisme* di kalangan pelajar pascasiswazah Melayu. Oleh yang demikian, alat ini boleh digunakan untuk mengkaji persepsi budaya *hedonisme* di kalangan masyarakat Melayu.

Bibliografi

- Abdullah Abdul Kadir Munshi. (1965). *Kesah pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaysia Publication Limited.
- Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali. (2008). *Dakwah dan cabaran de-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Anwar Ibrahim. (1997). *Gelombang kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationships to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16, 427–454.
- Bird, I. (1883). *The golden chersonese and the way thither*. New York: G. P. Putnam's Sons
- Bowlby, J. (1982). *Attachment and loss*. New York: Basic Books.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological Systems Theory. In: R. Vasta (Eds). *Six Theories of Child Development: Revised Formulations and Current Issues* (187-250). Greenwich: JAI Press.

- Crone, J. A. (2007). *How can we solve our social problems*. Thousand Oaks, Calif: Pine Forge Press.
- Dauzan Deriyansyah Praja dan Anita Damayantie. (2013). Potret Gaya Hidup Hedonisme di kalangan Mahasiswa. *Jurnal Sociologie*, 1(3), h. 184-193.
- Feldman, F. (1995), Mill, Moore, and the consistency of qualified hedonism. *Midwest Studies in Philosophy*, h. 20, 318–331.
- Fransella, F. dan Bannister, D. (1977). *A manual for repertory grid*. New York: Academic Press.
- Graham, G. (2004). *Eight theories of ethics*. London: Routledge
- Jones, E.E. dan Zoppel, E.L. (1974). Personality differences among blacks in Jamaica and the United States. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 10, h. 435-456
- Kamal Hasan. (2013). *Kesatuan pandangan alam (worldview) sebagai asas kerjasama umat Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Kelly, G.A. (1955). *The psychology of personal construct*. New York: Norton.
- Kendall, D. (2007). *Social problems in a diverse society*. Boston: Pearson.
- Mahathir Mohamad. (2003). *Dilema Melayu*. Singapura: Times Books International.
- McCoy, C.C. (1981). Personal construct theory and cross-cultural research methodology. In Binnie-Dawson, J.L.M., Blowers, G.H. dan R.
- Hossain (Eds). *Perspectives in Asian Cross-Cultural Psychology*. Lisse, Netherlands: Swetz and Zeitinger.
- Mill, J.S. (1991). *The collected works of John Stuart Mill*. Toronto: University of Toronto Press.

- Mohammad Raqi Mohammad Shapien. (2007). *Budaya hedonisme di kalangan remaja Islam: Kajian di kalangan penghuni Vista Angkasa, Kampung Kerinci, Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah (B.A.) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Ali Iksan. (2010). *Pengaruh budaya hedonisme di kalangan pelajar-pelajar Islam: Kajian di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang*. Disertasi (M. Usuluddin) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Nasir Ibrahim Fikri. (2011, Mac 21). *Mahasiswa mesti jauhi hedonisme*. Utusan Malaysia. Diakses pada April 30, 2015 daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0321&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_03.htm
- Mohd Taib Osman. (1984). *Bunga rampai: Aspects of Malay culture*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mustaffa Kamil Ayub. (1994). *Menangani cabaran membina kecemerlangan tamadun ummah*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Noraini Ab. Jalil dan Sayed Mahussain Sayed Ahmad. (2010). *Persepsi pelajar terhadap gejala hedonisme: kajian terhadap pelajar Islam Fakulti Pendidikan UTM Skudai*. Kertas Projek (Sarjana Muda Sains serta Pendidikan), Pengajian Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sidek Baba. (2006, Disember 14). *Fahaman hedonistik - Remaja tahu batasan dan tujuan*. Diakses pada April 25, 2015 daripada <http://drsidekbaba.blogspot.my/2006/12/fahaman-hedonistik-remaja-tahu-batasan.html>
- Siti Raba'ah Hamzah. (2013). *Pengaruh faktor psikososial terhadap tingkah laku hedonisme dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2013). *Tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia di*

institusi pengajian tinggi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 8, h.125 – 146.

Slater, P. (1972). *Notes on Ingrid 72*. London: University of London.

Swettenham, F.A. (1913). *Malay sketches*. London: John Lane.

Syed Hussein Alatas. (1989). *Mitos pribumi malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Veenhoven, R. (2003). Hedonism and Happiness. *Journal of Happiness Studies*, 4, h. 437-457.

Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (1988). Hiburan dalam masyarakat Melayu bandaran 1870 hingga 1941: *Satu Kajian tentang Pertumbuhan Budaya Popular*. Tesis PhD, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (2014). Budaya popular Melayu, Malaysia-Indonesia dalam *Malaysia-Indonesia: serumpun merentas globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Wan Rafaei Abdul Rahman dan Smith, M. (1978). Achievement in Malaysia and Great Britain it's determinants and its relationship 10 perceived child rearing behaviour. Kertas dibacakan di Australian Psychological Society Conference, University of New Castle, August.

Wan Rafaei Abdul Rahman. (2015). *Persepsi persekitaran sosial pelajar Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu, Universiti Malaya.

Weijers, D.M. (2012). *Hedonism and happiness in theory and practice*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Victoria Wellington.